



沙巴進步黨

SAPP

Ref : SAPP/HQ/SPR/11

PARTI MAJU SABAH (SABAH PROGRESSIVE PARTY)

IBU PEJABAT . 總部 . HEADQUARTERS

2nd Floor, Lot 23, Bornion Centre Luyang, 88300 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia.
Reg. No. 1/94 (SABAH) Tel : 088-242 107 Fax : 088-254 799, 088-249 188
Website : <http://www.sapp.org.my> e-mail : sappkk@streamyx.com

24hb November, 2011 bersamaan 28 Zulhijjah 1432 H.

Kepada

Yang Berhormat Datuk Seri Panglima Maximus Johnity Ongkili
Pengerusi Jawatankuasa Khas Parlimen
Mengenai Suruhanjaya Pilihanraya (SPR)
MALAYSIA.

Yang Berhormat Datuk Seri,

**PER : SESI PENDENGARAN JAWATANKUASA KHAS
MENGENAI SURUHANJAYA PILIHANRAYA (SPR)**

Dengan segala hormatnya perkara tersebut adalah dirujuk.

Sukacita bersama - sama ini disertakan memorandum dari Parti Maju Sabah (SAPP) untuk perhatian dan tindakan Yang Berhormat Datuk Seri selanjutnya.

Sekian salam hormat dan terima kasih.

Yang benar


Suaib Mutalib
Penolong Setiausaha Agung

sk YBhg. Datuk Seri Panglima Yong Teck Lee
Presiden Parti

**USUL DARIPADA
PARTI MAJU SABAH (SAPP)
SESI PENDENGARAN JAWATANKUASA KHAS PARLIMEN
MENGENAI SURUHANJAYA PILIHANRAYA**

Pada 25 hb November 2011

Parti Maju Sabah ingin menyertai sesi pendengaran Jawatankuasa Khas Parlimen mengenai Suruhanjaya Pilihanraya untuk menyampaikan beberapa pandangan dan cadangan demi memastikan bahawa pilihanraya di Malaysia dapat dijalankan secara adil dan berintegreti.

1. Tempoh Pilihanraya Umum dan Tarikh Pilihanraya.

Menurut Perlembagaan Malaysia dan peraturan pilihanraya tempoh satu penggal pilihanraya ialah 5 tahun. Namun demikian ketetapan pembubaran Dewan Rakyat (parlimen) adalah bidang kuasa Yang DiPertuan Agong atas nasihat Perdana Menteri, manakala tarikh pembubaran Dewan Undangan Negeri adalah bidang kuasa Sultan dan Yang Dipertua Negeri atas nasihat Menteri Besar atau Ketua Menteri. Sudah menjadi tradisi bahawa pilihanraya di Malaysia tidak semestinya menghabiskan tempoh masa 5 tahun dan Perdana Menteri, Menteri Besar dan Ketua Menteri boleh mengumumkan tarikh pilihanraya pada bila-bila masa selepas satu-satu pilihanraya tanpa terikat dengan tempoh masa 5 tahun.

Adalah dicadangkan bahawa pilihanraya umum tidak diadakan sehingga tempoh masa 5 tahun habis. Dan terserah kepada SPR menentukan tarikh pilihanraya dalam masa tempoh 90 hari kelak.

Rakyat/pengundi memberi mandat kepada wakil rakyat dan kerajaan yang mereka pilih bagi tempoh masa 5 tahun bagi 1 penggal. Pilihanraya tidak harus menjadi teka teki dan ditentukan oleh pihak pemimpin pemerintah ia harus telus dan konsisten dengan perlombagaan.

(1)

2. Penggunaan Dawat Kekal (Indelible ink) kepada pengundi.

Dawat kekal harus digunakan dalam PRU13 demi mengelakkan penipuan bagi sesorang mengundi lebih daripada satu kali.

3. Memastikan Senerai Daftar Pemilih Yang Bersih.

Adalah menjadi pengetahuan umum bahawa terdapat senerai nama pengundi yang berulang dalam daftar pemilih yang berdaftar di pusat daerah mengundi yang berlainan. Terdapat kerakyatan yang meragukan telah didaftarkan sebagai pengundi. Nama-nama pengundi yang telah meninggal juga masih terdapat di daftar pemilih.

Terdapat juga pengundi-pengundi dipindahkan ke pusat pengundian yang lain dan juga ke daerah lain tanpa pengetahuan si pengundi berkenaan. Perkara-perkara tersebut tidak harus berlaku dan mesti diberhentikan serta diperbetulkan.

4. Masa Calon Mengambil Keputusan (cooling period)

“Cooling period” tidak diperlukan selepas calon-calon telah diterima sah sebagai calon. Penarikan diri harus dilakukan sebelum pengumuman calon diterima sah oleh Pegawai SPR. Cooling period 3 hari boleh mengundang rasuah berlaku terhadap calon calon yang bertanding.

5. Persempadanan Kawasan Pilihanraya

Sebarang pengubasuaian dan penembahan kawasan pilihanraya haruslah berdasarkan kepada keadaan geografi, logistik dan kedekatan penduduk, bukannya mengikut perbelahan kaum, agama atau arahan parti pemerintah.

(2)

6. Tidak harus ada pembahagian ole-ole semasa pilihanraya

Selepas penamaan calon sehingga hari pengundian tidak boleh ada sebarang pembahagian ole-ole samada berbentuk wang tunai, pembekalan barang runcit, peralatan dapur, mesin rumput, mesin jahit, injin boat, zinc, tangki dan kemudahan peralatan-peralatan lain yang boleh mempengaruhi pengundi. Larangan ini harus berkuatkuasa terhadap semua parti yang bertanding tidak terkecuali pihak kerajaan dan agensi-agensinya. Pemberian sedemikian haruslah dikategorikan sebagai rasuah.

7. Pengundi Yang Diragui harus diperiksa dokumennya dengan bantuan Jabatan Pendaftaran Negara

Jika ada pengundi yang diragui maka orang yang berkenaan harus dirujuk kepada pegawai JPN untuk memeriksa dokumennya (Mykad) dengan serta merta. Maka setiap pusat pengundian harus ada pegawai dan peralatan untuk berbuat demikian.

8. Pengendalian Undi Pos (postal vote)

Pengundian undi pos dijalankan dengan kehadiran agen-agen dari semua pihak. (polling agent/counting agent). Semua undi pos harus dikira sejurus tamatnya pengundian dijalankan. Jika ini tidak dapat dilakukan disebabkan kemungkinan boleh mempengaruhi pengundi yang akan mengundi kemudian, maka adalah dicadangkan bahawa semua undi pos harus dikira dipusat pengkumpulan undi pada hari penutupan undi. Undi pos harus dikira terlebih dahulu sebelum semua keputusan dari peti-peti undi dijumlahkan. Pengiraan undi pos tidak harus dibelakangkan.